



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 29 JUN 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9.	INISIATIF JAMIN BEKALAN MAKANAN, LOKAL, HM -20 TUJUH INISIATIF PERKASA SEKURITI MAKANAN, NASIONAL, SH -12 MOSTI TAWAR 27 PENYELESAIAN TEKNOLOGI SEDIA DIGUNA PAKAI, NASIONAL, SH -12 TUJUH INISIATIF PERKASA SEKURITI MAKANAN, MUKA DEPAN, UM -1 INISIATIF PERKASA SEKURITI MAKANAN, NEGARA, KOSMO -4 SUBSIDI BUKAN ATAS DESAKAN, NEGARA, KOSMO -4 JAWATANKUASA KHAS JAMIN SEKURITI MAKANAN DITUBUH, NASIONAL, BH -5 BOOSTING FEDERAL-STATE COORDINATION TO TACKLE FOOD SECURITY, NATION, THE STAR -4 STATE GOVTS TO EXPAND AGRICULTURAL LAND, SAYS PM, NATION, NST -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
10. 11. 12.	NELAYAN: YANG KAYA TETAP ORANG TENGAH, DALAM NEGERI, UM -2 LKIM BERTINDAK BELI IKAN, DALAM NEGERI, UM -3 HUTANG PUNCA NELAYAN TERIKAT ORANG TENGAH, DALAM NEGERI, UM -3	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
13.	MADA KETUAI KLUSTER AGRO LIFESTYLE DI MAHA 2022, DALAM NEGERI, UM -12	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25.	BUKAN BUAT PUSINGAN U, LOKAL, HM -16 HARGA SILING AYAM BAHARU, JANGAN TEKAN MANA-MANA PIHAK, NEGARA, KOSMO -5 BATAL CADANG HAPUS SUBSIDI BUKAN PUSINGAN U, NASIONAL, BH -6 TAKING COPTER FROM KL TO SEGAMAT FOR DURIANS, VIEWS, THE STAR -14 LADANG INTEGRASI LAMBOR BANTU TANGANI ISU SEKURITI MAKANAN, NASIONAL, BH -21 RM300,000 RANCAK PERTANIAN INTEGRASI, LOKAL, HM -13 30 PELANCONG DI KAMPUNG JUARA BERPELUANG LIHAT PENYU AGAR MENDARAT, LOKAL, HM -5 HARGA SILING AYAM: JANGAN BEBAN PENTERNAK, PENGGUNA, NEGERI KEDAH, SH -28 BANJIR KILAT ANCAM LEMBU KORBAN, DALAM NEGERI, UM -32 HARGA DURIAN KLON, KAMPUNG MENURUN, LOKAL, HM -8 POK TAR PAKAR DURIAN SERBA TAHU, NEGARA, KOSMO -7 BEKAS TUKANG MASAK JUAL CENDAWAN RAIH RM15,000 SEBULAN, NEGARA, KOSMO -18	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



ISMAIL Sabri (empat dari kiri) mempengerusikan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-139 di Putrajaya, semalam.

# Inisiatif jamin bekalan makanan

*Kerajaan Persekutuan, negeri tubuh Jawatankuasa Sekuriti Makanan*

Oleh Suraya Roslan  
suraya@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Jawatankuasa Sekuriti Makanan peringkat negeri dan daerah ditubuhkan bagi memastikan pelaksanaan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 yang sinergi di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, persetujuan penubuhan jawatankuasa itu disepakati ketika beliau mempengerusikan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang turut dihadiri oleh Menteri Kabinet yang berkaitan, semalam.

"Mesyuarat kali ini memberikan penekanan mengukuhkan kerjasama antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi memperkasakan sekuriti bekalan makanan negara yang berdepan dengan pelbagai cabaran akibat daripada senario global pada masa kini.

"Cabaran ini dipengaruhi oleh faktor antaranya peningkatan harga input pertanian seperti harga jagung bijian dan baja, kenaikan kos logistik serta cuaca ekstrem

yang menyebabkan kekerapan berlakunya banjir dan kemarau yang mengganggu kitaran pengeluaran makanan," katanya.

Beliau berkata, dalam mesyuarat itu, kerajaan negeri bersetuju melaksanakan inisiatif antaranya meningkatkan keluasan tanah sesuai khususnya tanah milik negeri untuk aktiviti pertanian, mewartakan kawasan tanah pertanian sebagai tanah rizab mengikut Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN) dan memajakkan tanah rizab berikut di bawah Seksyen 63 KTN untuk tempoh sekurang-kurangnya 10 sehingga 21 tahun.

"Selain itu, memperkasakan pemberian tanah milik negeri kepada anak syarikat kerajaan negeri berkaitan pertanian yang kemudiannya akan memajakkan tanah kepada usahawan tani untuk tempoh 30 tahun.

"Malah, pihak berkuasa negeri boleh, tertakluk kepada kaedah tanah negeri meluluskan tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun dan boleh dilanjut seterusnya bagi setiap Lesen Pendudukan Sementara (TOL)," katanya.

Ismail Sabri berkata, mesyuarat bersetuju mengekalkan pengezonan kawasan



*Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan pengurangan atau pengecualian cukai terhadap industri agromakanan"*

*Ismail Sabri*

jelapang padi, pewartaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan membangunkan TKPM yang terbengkalai serta yang belum dimajukan.

"Selain itu, mengekalkan pewartaan Zon Industri Akuakultur (ZIA) sedia ada dan mewartakan ZIA yang belum diwartakan.

"(Antara lain) menyelaras bersama pihak berkuasa tempatan bagi memudahkan syarat dan proses kelulusan Kebenaran Merancang (KM) pembangunan sistem reban ayam tertutup dan aktiviti agromakanan yang lain dan menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Tanah Pertanian Peringkat Daerah bagi memudahkan cara urusan membangunkan tanah pertanian

milik persendirian yang tidak diusahakan," katanya.

Menurutnya, mesyuarat juga bersetuju menetapkan kadar caj abstraksi bagi sumber air tawar dan air masin yang lebih rendah untuk sektor agromakanan.

"Selain itu, Kerajaan Persekutuan bersetuju mempertimbang cadangan pengurangan atau pengecualian cukai terhadap industri agromakanan dan Kementerian Kewangan akan memberi perincian," katanya.

Katanya, mesyuarat memutuskan untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Penyeragaman Kos Caj dan Fi bagi Pembangunan Infrastruktur Komunikasi di Peringkat Negeri.

"Penubuhan jawatankuasa ini bagi mengkaji dan mencadangkan mekanisme penyeragaman kos caj dan fi dikenakan bagi pembangunan infrastruktur komunikasi di seluruh negara.

"Ini disebabkan pemantauan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mendapati kos caj dan fi pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi pusat seahenti dan agensi berkaitan di seluruh negara adalah berbeza," katanya.



# Tujuh inisiatif perkasas sekuriti makanan

Tingkat aktiviti pertanian antara langkah yang bakal dilaksanakan

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM SHAH ALAM

Kerajaan negeri bakal melaksanakan tujuh inisiatif bagi memperkasakan sekuriti bekalan makanan negara yang berhadapan dengan pelbagai cabaran akibat daripada senario global pada masa ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, perkara itu dicapai dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri pada Selasa yang turut dihadiri menteri kabinet berkaitan.

Katanya, antara inisiatif tersebut adalah pengalangan keluasan tanah yang sesuai khususnya tanah milik negeri bagi aktiviti pertanian.

"Langkah itu akan dilakukan dengan mewartakan kawasan tanah pertanian sebagai tanah rizab di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN)



Antara pimpinan negeri dan menteri kabinet yang hadir dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri pada Selasa.

dan kemudiannya memajukan tanah rizab.

"Peningkatan keluasan tanah untuk pertanian itu juga akan dilaksanakan dengan cara memperkasakan pemberian tanah milik negeri kepada anak syarikat kerajaan negeri berkaitan pertanian yang kemudiannya akan memajukan tanah tersebut kepada usahawan tani," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, inisiatif lain turut dipersetujui ialah pengalangan pengezonan kawasan jelapang padi, pewartakan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan pembangunan TKPM yang ter-

bengkalai serta belum dimajukan.

Beliau berkata, kerajaan negeri turut bersetuju mengambil inisiatif mengekalkan pewartakan Zon Industri Akuakultur (ZIA) sedia ada dan mewartakan ZIA yang belum diwartakan; menyelaraskan bersama pihak berkuasa tempatan bagi memudahkan syarat serta proses kelulusan Kebenaran Merancang (KM) pembangunan sistem reban ayam tertutup dan aktiviti agromakanan yang lain.

Ismail Sabri berkata, inisiatif lain adalah penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Tanah Pertanian Peringkat Daerah bagi memudahkan cara

urusan membangunkan tanah pertanian milik persendirian yang tidak diusahakan dan menetapkan kadar caj abstraksi bagi sumber air tawar dan masin yang lebih rendah untuk sektor agromakanan.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan negeri bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Sekuriti Makanan peringkat negeri dan daerah.

Ismail Sabri turut memaklumkan kerajaan persekutuan bersetuju mempertimbangkan cadangan pengurangan atau pengecualian cukai terhadap industri agromakanan dan Kementerian Kewangan akan memberikan perincian lanjut.

10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

SETAKAT JAM 5 PETANG SELASA

1 AHMAD ZAHID SUDAH LAMA TIDAK LAYAK SEBAGAI PRESIDEN UMNO

2 BANJIR: PENDUDUK TAMAN SRI MUDA SAMAN PIHAK BERKUASA

3 ZAHID TIDAK PUAS HATI SEBAB TIDAK DAPAT JAWATAN PM

4 KANAK-KANAK LIMA TAHUN MAUT DISENGAT TEBUAN

5 PELAJAR DISYAKI DITEKUP BANTAL HINGGA MATI OLEH KEKASIH

6 FGV LANTIKI PERUNDING BEBAS KAJI IMBUHAN PENGARAH

7 TAJUDDIN DAKWA TOK MAT BELOT UNTUK GANTI ZAHID

8 KANAK-KANAK 11 TAHUN DIKHUATIRI LEMAS

9 DANA YAB RM65 JUTA BUKAN HASIL AKTIVITI HARAM: AHMAD ZAHID

10 CALON PM KESEMBILAN: TAJUDDIN DAKWA KU LI 'DIPERMAINKAN' ZAHID

## MOSTI tawar 27 penyelesaian teknologi sedia diguna pakai

PUTRAJAYA - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mempunyai 27 penyelesaian teknologi yang sedia diguna pakai secara meluas bagi membantu negara menangani isu sekuriti makanan untuk penyelesaian jangka masa pendek.

MOSTI dalam satu kenyataan pada Selasa berkata, penyelesaian teknologi itu terbahagi kepada beberapa kluster iaitu biji benih, biobaja dan baja penggalak, penggunaan dron dan robotik, perkhidmatan ujian dan aplikasi internet benda (IoT), akuakultur serta makanan ternakan.

"Kesemua penyelesaian teknologi ini merupakan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan yang dibiayai oleh kerajaan," kata MOSTI.

Antara penyelesaian teknologi yang boleh diketengahkan

adalah penggunaan automasi sistem fertigasi, pertanian menegak, akuaponik digandingkan bersama aplikasi kecerdasan buatan (AI) yang mampu beroperasi di kawasan terpencil dan mengurangkan kos operasi melalui penggunaan Panel Tenaga Surya Nano (NLEP) tenaga solar sebagai sumber tenaga utama.

"Penggunaan teknologi itu boleh diguna pakai bagi pelbagai jenis tanaman hijau berdasarkan kesesuaian kawasan dan keperluan pasaran," katanya.

MOSTI memaklumkan, teknologi IoT dan blok rantai akan turut digembleng bersama lain-lain penyelesaian teknologi bagi merencanakan industri agro.

"Penggunaan biobaja pintar, teknologi penjerap nutrien dan teknologi pemuliharaan tanah juga boleh meningkatkan pro-

duktiviti tanaman dan teknologi itu berupaya mengatasi isu kenaikan harga baja berikutan bekalan bahan terhad ekoran krisis dunia," katanya.

Menerusi Agensi Nuklear Malaysia, MOSTI berkata, kajian dan data di lapangan juga telah memperlihatkan keupayaan biobaja yang berpotensi menjimatkan kos baja sehingga 50 peratus dan meningkatkan hasil sehingga lapan peratus.

"Ini akan mengurangkan bergantung kepada baja dan subsidi baja juga dapat dikurangkan secara berperingkat," kata MOSTI.

MOSTI berkata, produk serta teknologi yang telah dikenal pasti akan dibincangkan secara terperinci bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). - *Bernama*



Penggunaan teknologi hasil penyelidikan dan pembangunan MOSTI mampu menangani isu sekuriti makanan untuk jangka masa pendek.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

# Tujuh inisiatif perkasa sekuriti makanan

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**  
 maisarah.rahim@mediamulia.com.my



**LKIM beli ikan terus dari nelayan »3**

**PUTRAJAYA:** Jawatankuasa Sekuriti Makanan peringkat negeri dan daerah ditubuhkan bagi memastikan sinergi pelaksanaan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 antara Kerajaan Persekutuan dan negeri.

Keputusan kerajaan itu memperkasakan sekuriti bekalan makanan negara yang berhadapan dengan pelbagai cabaran akibat senario global pada masa kini yang melonjakkan harga input pertanian, kos logistik serta cuaca ekstrem menyebabkan kitaran pengeluaran makanan terganggu.

Kerajaan negeri bersetuju melaksanakan tujuh inisiatif yang antara lain meningkatkan keluasan tanah yang sesuai khususnya tanah milik negeri untuk aktiviti pertanian.

**Bersambung di muka 2**



Minda  
Pengarang

MOHD. RADZI MOHD. ZIN



## Nelayan: Yang kaya tetap orang tengah

KISAH orang tengah dan urus niaga pelbagai hasil makanan bukan perkara baru. Ia ibarat *open secret*. Usaha untuk membanterasnya memang dah lama diperkatakan. Sayangnya, sampai hari ini dalam kes membela nelayan, nampaknya ia tidak berhasil.

Realitinya, ramai nelayan kecil terikat dengan orang tengah. Faktor utama, desakan hidup termasuk mendapatkan sumber kewangan mudah dan cepat. Nelayan pantai yang sebahagian besarnya orang Melayu biasanya berhutang dengan orang tengah apabila kesempatan wang. Lebih-lebih lagi ketika cuaca buruk dan tidak dapat turun ke laut dalam tempoh lama.

Sebagai pengguna, kalau harga ikan mahal dan hasilnya diperoleh oleh para nelayan, kita tidaklah marah sangat. Sebabnya ia berbaloi dan sepadan dengan tenaga yang mereka membanting tulang membelah laut mencari rezeki.

Malangnya, harga ikan yang melambung itu tidak memberi keuntungan kepada nelayan. Mereka tetap juga menjual ikan kembung antara RM10 ke RM13 sekilo sedangkan harga pasaran mencecah RM23 sekilo. Orang tengah pula menjualnya pada harga RM16 ke RM17 sekilo. 'Buta-butanya' sahaja mereka untung RM3 ke RM4 sekilo.

Orang tengah ini juga berperanan sebagai pembeli hasil tangkapan nelayan sama ada nelayan yang mempunyai bot sendiri atau nelayan perseorangan yang menjual hasil tangkapan kepada mereka.

Sebab itu, kita akan menyokong dilaksanakan segera dasar Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dibenarkan membeli ikan secara terus daripada nelayan. Ini sekali gus melenyapkan peranan orang tengah yang menguasai pasaran dan menindas nelayan.

Dalam dunia internet dan maklumat di hujung jari, memasarkan hasil perikanan nelayan ini bukan suatu masalah. Rakyat rata-ratanya lebih suka membeli sendiri secara terus dengan nelayan berbanding membelinya di pasar awam terbuka.

Antara lokasi kegemaran rakyat mendapatkan bekalan ikan segar dengan harga berpatutan adalah di pasar-pasar tani yang dikendalikan terus oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Kejayaan penjualan ikan segar di pasar-pasar tani ini boleh dijadikan model untuk memasarkan secara terus hasil tangkapan nelayan tempatan. Pasarkan hasil tangkapan mereka di seluruh negara dengan kerjasama persatuan-persatuan nelayan negeri.

Demikian juga, usaha yang dilakukan nelayan di Selangor dengan kerjasama LKIM melaksanakan penjualan ikan secara terus kepada pengguna di pasar-pasar nelayan negeri itu perlu ditambah.

Dengan adanya pasar nelayan, suami turun ke laut. Contohnya LKIM buat pasar, bila balik suami akan jual kepada isteri dan isteri pula jual kepada pengguna. Itulah cara yang dilaksanakan. Difahamkan ia sudah berjaya seperti di Sungai Yu dan Sungai Kajang.

Golongan yang berkuasa dalam kerajaan dan LKIM perlu proaktif. Turun padang dan membantu golongan nelayan agar nasib mereka dibela. Fikirkan alternatif dan cara terbaik agar situasi 'menang menang' untuk nelayan dan pengguna.

Mohd. Radzi Mohd. Zin ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia

## Tujuh inisiatif perkasas sekuriti makanan

Dari muka 1

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, langkah itu dibuat dengan mewartakan kawasan tanah pertanian sebagai tanah rizab di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN) dan kemudiannya memajakkan tanah rizab berikut di bawah Seksyen 63 KTN untuk tempoh sekurang-kurangnya 10 sehingga 21 tahun.

"Pemberian tanah milik negeri kepada anak syarikat kerajaan negeri berkaitan pertanian yang kemudiannya akan memajakkan tanah tersebut kepada usahawan tani untuk tempoh 30 tahun.

"Pihak berkuasa negeri boleh, tertakluk kepada kaedah-kaedah tanah negeri meluluskan tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun dan boleh dilanjutkan seterusnya bagi setiap Lesen Pendudukan Sementara (TOL)," katanya dalam kenyataan selepas mempengerusikan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri-menteri Kabinet berkaitan.

Ismail Sabri berkata, inisiatif lain ialah mengekalkan pengezonan kawasan jelapang padi serta mewartakan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan membangunkan TKPM yang terbengkalai serta yang belum dimajukan.

Selain itu, katanya, pewartaan Zon Industri Akuakultur (ZIA) sedia ada dikekalkan dan mewartakan ZIA yang belum diwartakan.

Pihak berkuasa tempatan akan diselaraskan bagi memu-



ANTARA inisiatif memperkasas sekuriti makanan adalah mengekalkan pengezonan kawasan jelapang padi.

hadkan syarat dan proses kelulusan Kebenaran Merancang (KM) pembangunan sistem reban ayam tertutup dan aktiviti agromakanan yang lain turut dirangka.

"Menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Tanah Pertanian Peringkat Daerah bagi memudahkan cara urusan membangunkan tanah pertanian milik persendirian yang tidak diusahakan.

"Menetapkan kadar caj abstraksi bagi sumber air tawar dan air masin yang lebih rendah untuk sektor agromakanan," katanya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, Kerajaan Persekutuan pula bersetuju memper-

Jawatankuasa Khas Penyeragaman Kos Caj dan Fi bagi Pembangunan Infrastruktur Komuniti di Peringkat Negeri ditubuhkan bagi mengkaji dan mencadangkan mekanisme penyeragaman kos caj dan fi yang dikenakan bagi pembangunan infrastruktur komunikasi di seluruh negara.

"Ini disebabkan peman-tauan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mendapati kos caj dan fi yang dikenakan pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi pusat berhenti dan agensi berkaitan di seluruh negara adalah berbeza.

"Penyeragaman kos caj dan fi ini akan menggalakkan pihak penyedia perkhidmatan meningkatkan pelaburan dalam penyediaan infrastruktur komunikasi secara menyeluruh di kawasan bandar dan luar bandar," katanya.

Dalam masa sama, sebuah

Kerajaan Persekutuan, negeri setuju tubuh Jawatankuasa Sekuriti Makanan

## Inisiatif perkasa sekuriti makanan

Oleh EDDY HAMIDI

**PUTRAJAYA** – Satu Jawatankuasa Sekuriti Makanan peringkat negeri dan daerah akan ditubuhkan bagi memastikan pelaksanaan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan berkenaan dipersetujui dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang dihadiri oleh Menteri-Menteri Kabinet berkaitan dipengerusikan oleh beliau semalam.

“Mesyuarat pada kali ini memberikan penekanan untuk mengukuhkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi memperkasakan sekuriti bekalan makanan negara yang berhadapan dengan pelbagai cabaran akibat daripada senario global pada masa kini.

“Cabaran-cabaran ini dipengaruhi oleh faktor antaranya peningkatan harga input pertanian seperti harga jagung bijian dan baja, kenaikan kos logistik serta cuaca ekstrem yang menyebabkan kekerapan berlakunya banjir dan kemarau yang mengganggu



**ISMAIL SABRI** (enam dari kanan) semasa mempengerusikan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang turut dihadiri oleh Menteri-Menteri Kabinet berkaitan semalam.

kitaran pengeluaran makanan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Ismail Sabri berkata, menerusi mesyuarat itu juga, kerajaan negeri turut bersetuju untuk melaksanakan beberapa inisiatif antaranya meningkatkan kelua-

san tanah yang sesuai khususnya tanah milik negeri untuk aktiviti pertanian.

“Ya harus dilakukan dengan mewartakan kawasan tanah pertanian sebagai tanah rizab di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN) dan kemudiannya

memajakkan tanah rizab berikut di bawah Seksyen 63 KTN untuk tempoh sekurang-kurangnya 10 sehingga 21 tahun.

“Antara inisiatif lain yang dipersetujui juga adalah memperkasakan pemberian tanah milik negeri kepada anak syarikat

kerajaan negeri berkaitan pertanian yang kemudiannya akan memajakkan tanah tersebut kepada usahawan tani untuk tempoh 30 tahun,” katanya.

Ujar beliau, mesyuarat turut bersetuju bahawa pihak berkuasa negeri boleh dan tertakluk kepada kaedah-kaedah tanah negeri meluluskan tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun serta boleh dilanjutkan seterusnya bagi setiap Lesen Pendudukan Sementara (TOL).

Tambah beliau, Kerajaan Persekutuan juga telah bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan pengurangan atau pengecualian cukai terhadap industri agromakanan yang akan diberikan perinciannya oleh Kementerian Kewangan.

“Mesyuarat ini juga telah membuat keputusan untuk menukarkan Jawatankuasa Khas Pengeragamaan Kos Caj dan F1 bagi Pembangunan Infrastruktur Komunikasi di Peringkat Negeri.

“Penubuhan jawatankuasa ini adalah bagi mengkaji dan mencadangkan mekanisme pengeragamaan kos caj dan fi yang dikenakan bagi pembangunan infrastruktur komunikasi di seluruh negara,” ujar beliau.

## Subsidi bukan atas desakan

**LANGKAWI** – Kerajaan meneruskan program subsidi ayam kerana prihatin dengan kesusahan yang dihadapi rakyat pada ketika ini dan bukan disebabkan desakan mana-mana pihak.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, susulan itu pengapungan harga ayam yang sepatutnya bermula pada 1 Julai ini dibatalkan.

“Sebenarnya kerajaan telah membuat keputusan, tidak perlu desakan daripada mana-mana pihak. Kerajaan kita di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri begitu prihatin dengan rakyat.

“Kita bukan buat pusingan U tetapi setelah kita mengkaji, Yang Amat Berhormat (Perdana Menteri) mendapati bahawa untuk kepentingan dan menjaga kebajikan, kita batalkan pengapungan tersebut,” katanya pada sidang akhbar selepas Program Walkabout Kelapa di Pusat Pertanian Padang Matsirat di sini semalam.

Menurut beliau, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah membuat perjumpaan dengan penternak ayam bagi mengetahui masalah dihadapi mereka.

Beliau pada masa sama turut memberi keyakinan bahawa bekalan ayam dalam negara adalah stabil dan mencukupi sehingga perayaan Hari Raya Aidiladha nanti.

Sementara itu, dalam program sama beliau menyatakan, Pusat Pertanian Padang Matsirat, di sini menjadi perintis dalam penggunaan teknologi Internet of Things (IoT) sekali gus menjadikannya ladang kelapa contoh dalam negara.

Menurut beliau, sistem pengaliran di kawasan seluas 5.4 hektar dengan 720 pokok kelapa pandan itu telah dinaik taraf oleh MAFI melalui Jabatan Pertanian menggunakan teknologi tersebut.

Jelasnya, sistem pengaliran itu digunakan bagi tujuan pembajaan atau fertigasi dan teknologi IoT membolehkan aktiviti itu dilakukan melalui telefon bimbit dan memudahkan data mengenainya diakses.

“MAFI berharap Pusat Pertanian Padang Matsirat dapat menjadi mercu tanda kejayaan program pembangunan dan produk agro pelancongan yang dapat menarik minat masyarakat serta menjadi pusat rujukan kepada petani dan usahawan kelapa,” ujarnya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	5

# Jawatankuasa khas jamin sekuriti makanan ditubuh

**Negeri setuju laksana tujuh inisiatif jayakan pelan tindakan**

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jawatankuasa Sekuriti Makanan kini ditubuhkan pada peringkat negeri dan daerah seluruh negara, bagi memastikan sinergi pelaksanaan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021 hingga 2025, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, penubuhan jawatankuasa yang dipersetujui kerajaan negeri itu, akan menjadi sinergi bersama Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pelaksanaan pelan tindakan berkenaan.

Mengulas lanjut katanya, kerajaan negeri turut bersetuju melaksanakan tujuh inisiatif dalam meningkatkan sekuriti makanan antaranya meningkatkan keluasan tanah yang sesuai khususnya tanah milik negeri untuk aktiviti pertanian.

“Di bawah inisiatif meningkatkan keluasan tanah, kerajaan negeri akan mewartakan kawasan tanah pertanian sebagai tanah rizab mengikut Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN) dan kemudiannya memajakkan tanah rizab itu mengikut Seksyen 63 KTN untuk tempoh sekurang-kurangnya 10 hingga 21 tahun.

“Memperkasakan pemberian tanah milik negeri kepada anak syarikat kerajaan negeri berkait



Ismail Sabri mempengerusikan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-139 di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto ihsan: PMO)

tan pertanian, yang kemudiannya akan memajakkan tanah terabit kepada usahawan tani untuk tempoh 30 tahun.

“Selain itu, pihak berkuasa negeri boleh, tertakluk kepada kaedah-kaedah tanah negeri meluluskan tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun dan boleh dilanjutkan seterusnya bagi setiap Lesen Pendudukan Sementara (TOL),” katanya menerusi kenyataan yang dikeluarkan selepas mesyuarat itu, semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri mempengerusikan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang turut dihadiri oleh Menteri Kabinet yang berkaitan.

Mesyuarat itu diadakan bagi memberikan penekanan untuk mengukuhkan kerjasama antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi memperkasakan sekuriti bekalan makanan negara yang berhadapan dengan pelbagai cabaran akibat daripada senario global pada masa kini.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, melalui inisiatif kedua, kerajaan negeri juga akan

mengekalkan pengezonan kawasan jelapang padi, selain mewartakan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan membangunkan TKPM yang terbengkalai serta yang belum dimajukan.

Beliau berkata, di bawah inisiatif ke-empat, pewartaan Zon Industri Akuakultur (ZIA) sedia ada akan dikekalkan, selain mewartakan ZIA yang belum diwartakan selain menyelaras bersama pihak berkuasa tempatan bagi memudahkan syarat dan proses kelulusan Kebenaran Merancang (KM) pembangunan sistem reban ayam tertutup dan aktiviti agromakanan yang lain,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan negeri juga akan menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Tanah Pertanian Peringkat Daerah bagi memudahkan cara urusan membangunkan tanah pertanian milik persendirian yang tidak diusahakan.

Beliau berkata, penetapan kadar caj abstraksi bagi sumber air tawar dan air masin yang lebih rendah untuk sektor agromakanan akan turut dilaksanakan.

Dalam perkembangan berkaitan, Ismail Sabri berkata, Kerajaan Persekutuan bersetuju mempertimbangkan cadangan pengurangan atau pengecualian cukai terhadap industri agromakanan di negara ini.

“Ia sebagai usaha kerajaan memperkasakan sekuriti bekalan makanan negara yang berhadapan dengan pelbagai cabaran,” katanya.

Mesyuarat sama juga kata Perdana Menteri, memutuskan penubuhan Jawatankuasa Khas Penyeragaman Kos Caj dan Fi bagi Pembangunan Infrastruktur Komunikasi peringkat negeri bagi mengkaji dan mencadangkan mekanisme penyeragaman kos caj dan fi yang dikenakan bagi pembangunan infrastruktur komunikasi di seluruh negara.

“Ini disebabkan pemantauan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mendapati kos caj dan fi yang dikenakan pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi pusat berhenti dan agensi berkaitan di seluruh negara berbeza,” katanya.



Reports by RAGANANTHINI VETHASALAM, IYLIA MARSYA ISKANDAR, WANI MUTHIAH and N. TRISHA

## Boosting federal-state coordination to tackle food security

**KUALA LUMPUR:** Food security committees at the state and district levels will be set up to ensure the federal and state governments can implement the National Food Security Policy Action Plan 2021-2025 in a synergistic manner, says Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

The Prime Minister said this was decided at a meeting he chaired yesterday with Mentri Besar and Chief Ministers, which was also attended by relevant ministers.

The meeting, he said, emphasised the need to strengthen cooperation between the federal and state governments to enhance the country's

food supply security, which is facing various challenges due to current global developments.

State governments have agreed to implement seven initiatives for this purpose, he said in a statement as reported by Bernama.

These include increasing the area for agriculture, especially state-owned land, by gazettement agricultural land as reserves under Section 62 of the National Land Code and then leasing them out under Section 63 of the Code for periods of at least 10 to 21 years.

"Apart from this, to strengthen the award of state land to state gov-

ernment subsidiaries related to agriculture which would then lease out the land to agriculture entrepreneurs for a period of 30 years.

"State authorities can also, subject to state land procedures, approve a Temporary Occupation Licence (TOL) of at least three years which can be renewed," he added.

Other initiatives encompassed maintaining zoning for padi fields, gazettement of permanent food production parks and developing abandoned and yet-to-be-developed such parks, and maintaining gazettement of existing Aquaculture

Industry Zones (ZIAs) and gazettement ZIAs that are yet to be gazetted, he said.

Apart from this, he said state governments agreed to coordinate with local authorities to facilitate the conditions and approval process for planning consent of development of closed chicken coop systems and other agrofood activities.

"The state governments have also agreed to set up a district agriculture land development committee to facilitate the development of undeveloped privately owned agriculture land and set lower abstraction charge rates for freshwater and

saltwater resources in the agrofood sector," he added.

Ismail Sabri said among the challenges faced in national food supply security was an increase in the price of agricultural inputs like grain, corn and fertilisers, hikes in logistic costs, and extreme weather which caused frequent flooding and drought that disrupted the food production cycle.

He said the Federal Government also agreed to consider a proposal to reduce or waive taxes on the agrofood industry.

"The Finance Ministry will give further details," he added.



## ADDRESSING CURRENT CHALLENGES

# STATE GOVTS TO EXPAND AGRICULTURAL LAND, SAYS PM

Federal govt to work with states to implement host of measures to boost food security

DHESEGAAN BALA KRISHNAN  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**S**TATE governments have agreed to expand the size of agricultural lands and retain padi field zones to bolster food security.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, in a statement yesterday, said state governments would gazette agricultural land as reserved land under Section 62 of the National Land Code and subsequently lease them under Section 63 for at least 10 to 21 years.

State governments, he said,

would also award agricultural land to state-linked companies, which would eventually lease the land to farmers for 30 years.

State authorities can also grant Temporary Occupational Licence (TOL) for three years, subject to state regulations on land matters, as well as extend the TOL.

Ismail Sabri made this announcement after chairing a meeting with menteriis besar and chief ministers earlier yesterday.

"The meeting emphasised strengthening the cooperation between federal and state governments to enhance our food security amid global challenges.

"The current challenges are influenced by various factors, including rising agricultural input costs such as grain corn and fertiliser prices, logistical costs and extreme weathers, which have led to frequent floods and drought, disrupting the food production cycle.

"To tackle this, the state gov-

ernments have agreed to establish a Food Security Committee at the state and district level to ensure a well-coordinated implementation of the National Food Security Policy Action Plan 2021-2025.

Ismail Sabri said the federal government had agreed to consider proposals to either reduce or waive taxes on the agrofood industry, adding that the Finance Ministry would provide details on the matter.

A special committee will also be established at the state level to study and propose a mechanism to standardise charges and fees for communications infrastructure development nationwide.

This, he said, was because the Malaysian Communications and Multimedia Commission found that state authorities and local councils imposed different charges and fees, and that standardising them would encourage more service providers to invest in communications infrastructure development.

State governments, meanwhile, would undertake a host of measures to boost agricultural production and step up food security, he added.

These measures include gazetting permanent food production parks and developing abandoned food production parks, as well as maintaining gazetted Aquaculture Industrial Zones (AIZ) and gazetting the remaining AIZ areas.

Ismail Sabri said state governments had also agreed to coordinate with local councils to ease the requirements and approval processes to grant planning permissions for chicken coops and other agrofood activities.

State governments, he said, would also form an Agriculture Land Development Committee at the district level to develop idle private agricultural land.

"State governments will also reduce the water abstraction charges for freshwater and salt-water sources for the agrofood sector."



State governments will gazette agricultural land as reserved land under Section 62 of the National Land Code and lease it for up to 21 years.

FILE PIC



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Dapatkan bekalan terus dari nelayan, harga siling ikan RM10 sekilo

## LKIM bertindak beli ikan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bertindak segera membeli ikan terus daripada nelayan untuk dijadikan stok penimbal dalam usaha membantu menstabilkan harga dan mengimbangi bekalan bagi menjamin sekuriti makanan negara.

Untuk tujuan itu, sejumlah RM7 juta diperuntukkan sebagai modal pusingan pembelian ikan tempatan sebanyak 1,000 matrik tan sebagai stok penimbal yang akan ditempatkan di 130 bilik sejuk beku di seluruh negara yang mampu memuatkan 1,500 matrik tan.

Dalam masa sama, berkuat kuasa serta-merta, pengguna boleh mendapatkan bekalan ikan segar beku yang dikenali QFish untuk lapan jenis ikan di 135 pasar nelayan LKIM, 103 outlet dan 222 ejen pada harga siling RM10 sekiлогram.

Lapan jenis ikan itu ialah kembong, pelaling, selar, selayang, cencaru, aya kurik, selar (pelata) dan tongkol.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah LKIM, Yusoff Othman berkata, ia sekali gus dapat mengurangkan peranan orang tengah yang dikatakan menindas golongan nelayan dengan menekan harga ekoran pasaran dikuasai kartel.

“Untuk langkah segera kita akan beli stok penimbal melalui program ikan QFish, LKIM akan beli terus daripada nelayan dan bekukan serta edarkan kepada perigguna pada musim tengkujuh pada harga murah.

“Program ini diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Sekuriti Makanan Negara yang bersidang pada minggu lepas dan bersetuju dengan cadangan LKIM,” katanya di sini semalam.

Kelmarin, Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal mencadangkan supaya agensi berkenaan wajib membeli ikan secara terus daripada nelayan sekali gus melenyapkan peranan orang tengah yang menguasai pasaran dan menindas nelayan.

Akhbar ini sebelum itu melaporkan kira-kira 90,000

nelayan kecil tempatan di seluruh negara mengeluh ekoran nasib mereka tidak berubah sejak sekian lama dan mendakwa ditindas pemain industri gergasi dalam sektor perikanan.

Nelayan-nelayan kecil kira-kira 70,000 orang membabitkan nelayan Melayu itu mendakwa hasil laut mereka terpaksa dijual kepada orang tengah yang turut memiliki bot besar dengan harga rendah kerana mereka ‘tiada akses’ memasarkan hasil laut kepada pemborong.

Mengulas lanjut, Yusoff berkata, persatuan nelayan dan anak syarikat bertindak sebagai pembekal bagi stok penimbal dan rantaian pemasaran ikan QFish, manakala stok akan ditampung oleh syarikat swasta melalui kerjasama persatuan nelayan.

Beliau berkata, pemasaran akan dikembangkan melalui ejen QFish yang dilantik pembekal-pembekal di setiap kawasan berdasarkan kawasan Parlimen termasuk menggunakan medium pemasaran secara digital.

“Setiap 222 Parlimen akan diletakkan dua buah peti sejuk beku untuk menangani masalah kekurangan bekalan ikan.

“Untuk permulaan kita buat melalui anak syarikat dan persatuan nelayan sekali gus membantu golongan nelayan dan membantu semua rakyat.

“Ia demi kebaikan kedua-dua pihak, nelayan dan pengguna, nelayan akan dapat harga cantik, tiada lagi peranan orang tengah,” katanya.

Yusoff bagaimanapun memberitahu, para nelayan sebenarnya boleh menjual hasil tangkapan secara terus di 135 Pasar Nelayan tanpa melalui orang tengah.

Namun, katanya, mereka sendiri memilih untuk menjual kepada orang tengah sedangkan Pasar Nelayan bersedia membeli dengan kadar berpatutan.

“Sebelum ikan naik, sudah ada ‘orang’ tunggu dia. Nelayan boleh jual di pasar nelayan atau persatuan nelayan, masalah dia sendiri tak nak jual sedangkan dia membuat pinjaman dengan persatuan nelayan,” katanya.

## Hutang punca nelayan terikat orang tengah

**LUMUT:** Ramai nelayan kecil terikat dengan orang tengah kerana faktor desakan hidup termasuk mendapatkan pinjaman kewangan mudah dan cepat.

Nelayan pantai yang sebahagian besarnya orang Melayu kebiasaannya akan berhutang dengan orang tengah apabila kesempatan wang terutama ketika cuaca buruk dan tidak dapat turun ke laut dalam tempoh lama.

Pengerusi Persatuan Nelayan Perak (Penggerak) Mansor Yusuf berkata, orang tengah atau disebut ‘tauke’ berperanan sebagai pembeli semua hasil tangkapan nelayan sama ada nelayan yang mempunyai bot sendiri atau nelayan perseorangan yang menjual hasil tangkapan kepada mereka.

“Mereka juga berperanan

sebagai pemberi pinjaman mudah kepada nelayan sama ada untuk duit belanja jika tidak turun ke laut atau duit belanja untuk beli minyak sebab sudah lama tidak turun ke laut atau duit yang ada sudah habis dipakai (dibelanjakan).

“Orang tengah ini juga memberi pinjaman kepada nelayan untuk membeli perkakas atau peralatan yang rosak atau usang,” katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Menurut beliau, pada kebiasaannya ‘tauke’ akan memberikan pinjaman itu secara serta-merta atau dalam tempoh dua atau tiga hari selepas diminta.

Jelasnya, pembayaran pinjaman adalah melalui kaedah potongan hasil tangkapan iaitu berpandukan jumlah hasil jualan diperoleh setiap kali hasil

laut dinaikkan.

“Justeru, adalah tidak adil jika pinjaman mereka (orang tengah) dikeluarkan (beri kepada nelayan) dan hasilnya pula nelayan jual di tempat lain.

“Perlu juga diakui ada kalangan nelayan tidak melunaskan hutang mereka menyebabkan nelayan terus ‘terikat’ dengan orang tengah,” kata beliau.

Beliau juga memaklumkan bahawa peranan orang tengah berbeza dengan peraih kerana peraih membeli hasil tangkapan yang terpilih sahaja.

Menurut Mansor, peraih hanya membeli hasil tangkapan yang dikenal pasti boleh dijual iaitu bergantung kepada permintaan penduduk setempat.

Beliau memaklumkan, peraih tidak menyediakan apa-apa kemudahan termasuk pinja-

man mudah kepada nelayan dan kebiasaannya harga hasil tangkapan bergantung kepada proses tawar-menawar.

Oleh itu, jelas beliau, harga ikan termasuk ikan kembung dan pelaling bergantung kepada jumlah hasil tangkapan yang didaratkan secara menyeluruh iaitu sentiasa berubah berdasarkan situasi semasa.

Beliau memaklumkan ia sudah menjadi kebiasaan dalam perniagaan iaitu ‘trend’ barangan yg dihasilkan dan kuasa permintaan sesuatu produk itu.

Mansor mengulas laporan muka depan akhbar ini semalam yang menyebut kira-kira 90,000 nelayan kecil tempatan sedih hidup mereka tidak berubah sejak sekian lama dan ditindas pemain industri dalam perniagaan tersebut.



LKIM perlu bersedia tindakan boikot pemain industri ikan

## Kartel pegang nelayan

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL  
athir.ismail@mediamula.com.my

**SHAH ALAM:** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berdepan cabaran boikot daripada pemain-pemain industri perikanan termasuk golongan nelayan sekiranya badan itu melaksanakan dasar wajib menjual ikan kepada mereka.

Ini kerana kebanyakan nelayan-nelayan di negara ini bergantung kepada tauke-tauke besar yang menjadi peraih atau orang tengah untuk menjual hasil laut yang diperolehi.

Malah, kebanyakan nelayan khususnya di negeri ini menggunakan bot milik tauke-tauke ikan untuk turun ke laut dan diarahkan mendaratkan hasil tangkapan hanya di jeti-jeti milik mereka.

Situasi sedemikian dapat dilihat apabila Jeti Kompleks LKIM yang dibina dekat Sungai Selangor di Kuala Selangor bertujuan untuk mendaratkan hasil laut daripada nelayan tetapi tidak mencapai matlamat.

Hal demikian berlaku apabila terdapat nelayan-nelayan serta tauke-tauke enggan memberi kerjasama untuk menjual ikan kepada LKIM kerana mengelak daripada bekalan hasil laut itu dikawal kerajaan termasuk harganya.

Perkara itu didedahkan Pengerusi Persatuan Nelayan Selangor, Omar Abd. Rahman kepada *Utusan Malaysia* apabila mendakwa kompleks yang menelan belanja RM21 juta itu



**LEMBAGA Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) perlu memperkasakan peranan jeti pendaratan ikan miliknya dalam usaha memerangi orang tengah dan membantu nelayan memasarkan hasil tangkapan.**

diboikot tauke-tauke nelayan yang bimbang tidak dapat mempelbagaikan harga ikan.

"Memang (Kompleks) LKIM (di Kuala Selangor) masih beroperasi untuk pengurusan, tetapi pendaratan ikannya tidak berfungsi sampai hari ini, memang tak ada langsung, cuma yang didaratkan adalah kerang.

"Sebab ada sebahagian nelayan (dipegang tauke) tidak

mahu daratkan ikan di jeti berkenaan, walaupun diberi percuma tanpa bayaran bulanan, sebab mereka tak dapat pelbagaikan harga ikan.

"Bila naik dekat jeti LKIM, harga ikan akan dikawal oleh kerajaan. Kalau naik dekat pelantar mereka sendiri, tauke beli dengan nelayan contohnya harga sotong RM5 dia boleh jual sesuka hati dengan alasan hasil kurang," katanya ketika

dihubungi.

Beliau menambah, tanpa melalui LKIM tauke-tauke boleh memberi pelbagai alasan untuk menaikkan harga seperti kekurangan bekalan dan musim tengkujuh.

Dalam pada itu, Omar turut memaklumkan, nelayan-nelayan di Selangor dengan kerjasama LKIM sudah pun melaksanakan penjualan ikan secara terus daripada nelayan

kepada pengguna melalui pasar-pasar nelayan di negeri ini.

Menurut beliau, masalah orang tengah bukan bukan perkara baharu dan usaha memerangi kumpulan itu sudah pun dilakukan sejak puluhan tahun kerana mengaut keuntungan di atas kesusahan nelayan dan menekan pengguna.

"Masalah orang tengah, sukar untuk diatasi, kami sebagai nelayan dan daripada LKIM pula mewujudkan pasar nelayan. Bila ada pasar nelayan, suami turun ke laut, contohnya LKIM buat pasar, bila balik suami akan jual kepada isteri dan isteri pula jual kepada pengguna.

"Itu cara yang digunakan, ada yang sudah berjaya seperti di Sungai Yu dan Sungai Kajang, tetapi yang kita hendak adalah supaya ditambah lagi pasar-pasar sedemikian," jelasnya.

Tambahnya, terdapat pasar-pasar nelayan dekat kawasan-kawasan di sepanjang persisiran pantai negeri ini boleh dikunjungi pengguna yang mahu mendapatkan ikan segar dan secara tidak langsung menyokong usaha-usaha nelayan persendirian tanpa melalui orang tengah.

Jelas Omar lagi, pasar-pasar nelayan perlu diwujudkan dengan lebih banyak di seluruh negara sebagai langkah mengatasi orang tengah, walau bagaimanapun terdapat cabaran apabila usaha membinanya berdepan dengan kerenah birokrasi daripada pihak berkuasa negeri.

## 'Sepatutnya sudah selesai 20 tahun lalu'

**KUANTAN:** Sepatutnya penguasaan bekalan ikan negara dan langkah membela nasib nelayan sudah selesai sejak 20 tahun lalu tetapi ia tidak berlaku kerana kegagalan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) memainkan peranan masing-masing.

Akibatnya, sehingga ke hari ini nasib nelayan khususnya nelayan kecil terus terumbang-ambing dan isu bekalan ikan dengan harga yang tidak stabil terus berlaku dan memberi kesan kepada rakyat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pengusaha bot laut

dalam Pahang, Tengku Adnan Tengku Husin, 59, berkata, isu berkenaan kerap kali dibangkitkan oleh golongan nelayan tetapi agensi yang bertanggungjawab tidak bersungguh-sungguh menanganinya.

"Kenapa sekarang baharu bercakap soal LKIM wajib beli ikan terus dari nelayan. Ini sepatutnya telah lama dilaksanakan dan ia kerap kali disuarakan oleh nelayan tetapi disalahkan nelayan kerana menjual ikan pada orang tengah.

"Tidak timbul soal orang tengah sebenarnya, kita nelayan laut dalam misalnya, kita jual ikan kepada peraih sebagai con-

toh ikan selar RM18 sekilogram. Peraih pula jual ikan tersebut RM20 sekilogram. Harganya terus naik kerana ikan itu sampai tangan ke tangan sehingga dibeli oleh pengguna.

"Semua tauke-tauke yang beli ikan, sepatutnya peranan ini dimainkan sejak sekian lama oleh LKIM dan juga Nekmat daripada membeli ikan, dibekukan dan dijadikan stok, tetapi agensi terbabit gagal," dakwa di sini semalam.

Mengulas lanjut, Tengku Adnan berkata, kompleks LKIM misalnya, ia hanya sekadar atas nama agensi terbabit sahaja tetapi di dalamnya dikuasai oleh

tauke-tauke besar.

"Semua diuruskan tauke-tauke, jadi apa peranan LKIM sebenarnya," soalnya.

Beliau dalam pada itu turut mempersoalkan keikhlasan LKIM dan Nekmat dalam membantu nelayan khususnya bumiputera terutama membabitkan minyak diesel nelayan C2.

"Isu minyak diesel ketika ini terus membelenggu nelayan C2, harganya ketika ini RM5.20 seliter. Kalau benar hendak tolong nelayan, lihat juga isu harga minyak ini. Nelayan C2 cukup terbeban, beli minyak mahal tetapi ikan hendak murah.

"Sebulan kami perlu isi kira-

kira 30,000 liter diesel untuk sebuah bot, jadi dengan harga sekitar RM4 ke RM5 seliter pada ketika ini, kami perlu belanja lebih RM100,000 sebulan hanya untuk isi minyak," katanya.

Begitu juga tentang minyak diesel bersubsidi, beliau mempersoalkan adakah majoriti nelayan tempatan yang memperoleh keistimewaan itu.

"Di Pahang saya boleh kata 90 peratus tekong Myanmar dan Thailand yang dapat beli minyak diesel bersubsidi. Ini kerana bot-bot mereka atas nama tauke-tauke tertentu tetapi pegerjanya adalah dari Myanmar dan Thailand," dakwanya.



**TARIKH****MEDIA****RUANGAN****MUKA  
SURAT**

29/6/2022

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

12

# MADA ketuai Kluster Agro Lifestyle di MAHA 2022

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD

aimyahmad@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Penganjuran Ekspo Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) yang kembali tahun ini memberi peluang kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berkongsi kisah hidup para petani, penternak dan nelayan.

Dipertanggungjawab sebagai agensi utama bagi Kluster Agro Lifestyle sempena ekspo itu, aspek inovasi pertanian, budaya, makanan, hobi dan kesenian menjadi taruhan MADA dalam pameran dari 4 hingga 14 Ogos ini di Dewan D2, Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang, Selangor.

Pameran MADA yang bertemakan 'Meraikan pertanian melalui penerokaan dan penghayatan ke arah pengayaan kehidupan masa hadapan' itu turut menjanjikan pengalaman menarik dalam ekspo yang dijangka menggamit kehadiran 1.1 juta pengunjung.

Selain itu, MADA bersama rakan strategik seperti Padiberas Nasional Berhad (Bernas), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) juga mengelola La-



**EXCO Pertanian dan Industri Makanan Kedah, Datuk Azman Nasrudin (depan, dua kanan) bersama Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman (tiga, kiri) dan Pengurus Besar MADA Kamarudin Dahull (kanan) ketika pelancaran Road To MAHA 2022 Peringkat Zon Utara di Aman Central, Alor Setar, Kedah. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN**

man Padi.

Malah, lima usahawan bimbingan MADA yang berdaya maju dan produk mereka mematuhi spesifikasi pensijilan ditawarkan reruai *Agro Business* serta *Agro Edutainment* yang turut menganjurkan demonstrasi menghasilkan potret berasaskan jerami padi.

MADA turut terlibat bagi segmen *Agro Tourism*, *Agro Tech*,

*Agro Food Mekanisasi*, *Agro Youth* dan *Pavilion Negeri* yang diisi dengan aktiviti permainan dan pertandingan berkonsepkan sukan rakyat.

Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, pameran selama 11 hari bertemakan 'Sekuriti Makanan Untuk Masa Hadapan' itu mengembalikan kegemilangan negara dalam mempertahankan kedaulatan ma-

kan sebagai asas kekuatan negara.

"MAHA berkembang menjadi sebahagian daripada landskap negara yang mempamerkan kemajuan dan pencapaian Malaysia yang dalam erti kata lain, ekspo itu landasan terbaik bagi petani, penternak, nelayan dan usahawan industri asas tani menentengahkan produk serta perkhidmatan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2022	HARIAN METRO	LOKAL	16



AHMAD (kanan) bersama Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Tanaman Mafi, Nor Azera Abu Bakar pada Program *Walkabout* Kelapa di Pusat Pertanian di Padang Matsirat, Langkawi. - Gambar NSTP/HAMZAH OSMAN

Oleh Hamzah Osman  
am@hmetro.com.my

### Langkawi

**K**eputusan kerajaan membatalkan cadangan menghapuskan subsidi barangan keperluan makanan tidak boleh dianggap sebagai keputusan pusingan U.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, keputusan itu dibuat selepas kerajaan mengambil berat kebajikan rakyat yang sentiasa menjadi agenda utama negara.

“Ketika membuat keputusan (pembatalan) itu, kerajaan tidak didesak mana-mana pihak tetapi kerana kerajaan prihatin terhadap Keluarga Malaysia.

“Disebabkan itu, selepas kajian dibuat, maka pengapungan harga ayam yang sepatutnya bermula Jumaat ini (1 Julai) dibatalkan,” katanya ketika sidang media selepas melawat Pusat Pertanian di Padang Matsirat di sini, semalam.

# ‘Bukan buat pusingan U’

## Tindakan batal cadangan hapus subsidi barangan keperluan bukti kerajaan prihatin rakyat

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas desakan Jawatankuasa Kos Sara Hidup Pakatan Harapan (PH) supaya kerajaan mempertimbangkan semula penarikan subsidi keperluan makanan yang bakal berkuat kuasa Jumaat ini seperti dilaporkan media kelmarin.

Ahmad berkata, susulan pembatalan cadangan menghapuskan subsidi itu, harga ayam akan kekal seperti sebelum ini, bertujuan menjaga kebajikan

dan tidak membebankan rakyat.

“Harga siling ayam tetap biasa kerana tiada lagi langkah pengapungan yang sepatutnya dilaksanakan pada Jumaat ini.

“Bahkan pada ketika ini kita dapati bekalan makanan dalam keadaan stabil dan mencukupi, (malah) keadaan ini dijangka kekal sehingga musim sambutan Aidiladha nanti,” katanya.

Sementara itu, mengulas

mengenai lawatannya, beliau yang juga Ahli Parlimen Jasin berkata, pusat itu kini bersedia menjadi produk pelancongan baharu berkonsepkan agropelancongan.

“Berebalkan kawasan seluas 5.34 hektar dan dinamakan 732 pokok kelapa pandan, pusat ini mampu menghasilkan 40,800 kelapa sehektar setahun.

“Lebih menarik, sistem pengairan di pusat ini menggunakan teknologi *Internet of Things* (IoT) dan ia muncul ladang kelapa pertama di negara ini yang menggunakan kaedah itu,” katanya.

“  
Kerana kerajaan prihatin terhadap Keluarga Malaysia  
Ahmad

# Harga siling ayam baharu, jangan tekan mana-mana pihak



**PENETAPAN harga siling ayam baharu dan kadar subsidi nanti diharapkan tidak menekan mana-mana pihak terutama golongan penternak dan pengguna.** - GAMBAR HIASAN

Oleh **NORLIDA AKMAR IDROS**

**YAN** - Penternak ayam berharap penetapan harga siling ayam yang baharu dan kadar subsidi yang ditetapkan nanti akan memberi situasi menang-menang kepada semua pihak terutama penternak dan pengguna.

Pengarah Urusan Bismi Empire Sdn. Bhd. (Ayam Bismi), Mazlina Kamarudin berkata, penetapan harga siling ayam tersebut perlu munasabah dan tidak menekan penternak mahupun pengguna.

"Kita sebagai penternak juga mahu harga ditetapkan nanti

berpatutan supaya pengguna masih mampu untuk membelinya, jika mahal sudah pasti ia membebankan.

"Namun, dalam masa sama, kerajaan juga perlu mengambil kira kepentingan penternak menerusi kadar subsidi yang sesuai," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Kata beliau, penetapan kadar subsidi perlu mengambil kira kos yang perlu ditanggung penternak termasuk isu kenaikan dedak dan gaji minimum pekerja.

"Kita bukan penternak yang memikirkan keuntungan semata-mata, namun pada masa sama

perlu memastikan perniagaan dalam industri ini terus kekal bertahan," ujarnya.

Kelmarin, Kosmo! melaporkan cadangan penetapan harga siling ayam yang baharu serta kadar subsidi kepada penternak akan dibawa ke Mesyuarat Kabinet pada hari ini sebelum ia diumumkan kelak.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Klандее berkata, harga kawalan baharu itu mengambil kira kepentingan penternak, pemborong dan peruncit bagi memastikan harga yang ditetapkan adalah munasabah bagi semua pihak.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	6

## 'Batal cadang hapus subsidi bukan pusingan U'

**Langkawi:** Keputusan kerajaan membatalkan cadangan menghapuskan subsidi barang keperluan makanan tidak boleh dianggap sebagai keputusan pusingan U.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata keputusan itu dibuat selepas kerajaan mengambil berat kebajikan rakyat yang sentiasa menjadi agenda utama negara.

"Ketika membuat keputusan (pembatalan) itu, kerajaan tidak didesak mana-mana pihak tetapi kerana kerajaan prihatin terhadap Keluarga Malaysia.

"Disebabkan itu, selepas kajian dibuat, maka penghapusan harga ayam yang sepatutnya bermula Jumaat ini (1 Julai) dibatalkan," katanya selepas melawat Pusat Pertanian di Padang Matsirat di sini, semalam.

Beliau mengulas desakan Jawatankuasa Kos Sara Hidup Pakatan Harapan (PH) supaya kerajaan mempertimbangkan semula penarikan subsidi keperluan makanan yang bakal berkuat kuasa Jumaat ini seperti dilaporkan media kelmarin.

Ahmad berkata, susulan pembatalan cadangan menghapuskan subsidi itu, harga ayam akan kekal seperti sebelum ini, bertujuan menjaga kebajikan dan tidak membebankan rakyat.

"Harga siling ayam tetap biasa kerana tiada lagi langkah penghapusan yang sepatutnya dilaksanakan pada Jumaat ini.

"Bahkan pada ketika ini kita dapati bekalan makanan dalam keadaan stabil dan mencukupi, (malah) keadaan ini dijangka kekal sehingga musim sambutan Aidiladha nanti," katanya.

# Taking copter from KL to Segamat for durians

A BUSINESSMAN with a "Datuk" title flew from Kuala Lumpur to Segamat, Johor, in his helicopter just to sample the King of Fruits, reported *China Press*.

The man, believed to be in his 60s, and three of his friends landed at the durian orchard in Kampung Bangas last Wednesday.

According to the orchard owner Lokman Hakim Johar, the businessman wanted to try out only the local variety.

"He did not want those 'branded' durians like Musang King because

he had been eating them elsewhere. "For this trip, he wanted to taste only Segamat durians," he said.

Lokman Hakim said the businessman and his friends ate five durians, before bringing another 20 fruits home to share with their family and friends in Kuala Lumpur.

"Besides some good durians, such as the IOI variety, I also prepared rambutan and mangosteen for them.

"They also got to sample the famous ikan baung (river catfish)

meals here.

"All of them really enjoyed themselves although they only stayed here for slightly more than an hour.

"Each of them paid RM88 for the durian buffet and RM25 for the fish dishes," he said.

> *Sin Chew Daily* reported that veteran actor Bowie Wu Fung, or popularly known as "Sau Gor", would be holding a concert at the Hong Kong Coliseum on Sept 12.

At the age of 90, he broke his own record as the oldest star to have

performed a concert at the venue. He already had one at the same venue in June last year.

In a recent charity event in Hong Kong, Wu was the first to be out on stage, serenading the audience with two songs.

Throughout the performance, Wu did not look at the screen for lyrics, thus winning the admiration of those who attended the event.

He rushed for another gathering after his performance and quipped that he still had many friends at his age.



# Ladang Integrasi Lambor bantu tangani isu sekuriti makanan

**Bota:** Ladang Integrasi Lambor yang dibangunkan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) dapat membantu dalam mendepani dan menangani isu sekuriti makanan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perak SADC, Yahanis Yahya, berkata secara dasarnya ia dibangunkan melalui kaedah pertanian integrasi di kawasan seluas 72 hektar merangkumi tanaman kontan, nenas dan kenaf.

Katanya, dalam usaha merancang lagi pemeriksaan sekuriti makanan di ladang itu, Perak SADC memberikan sewaan kepada Aaxis Agriventure Sdn Bhd untuk penanaman nenas MD2 di kawasan seluas 40 hektar, manakala lapan hektar diperuntukkan kepada Agrownas bagi pembangunan tanaman sama.

"Bagi tanaman kontan seperti terung, cili dan jagung yang akan dimajukan oleh enam pekebun kecil terpilih membabitkan kawasan seluas 24 hektar.

"Memahami kekangan Aaxis Agriventure Sdn Bhd untuk membangunkan tanaman nenas MD2, berikutan modal permulaan yang tinggi serta faktor kekurangan sulur, Perak SADC memberikan hak guna sementara di sebahagian tanah sewaan syarikat itu bagi pembangunan kawasan penanaman kontan seluas empat hektar.

"Bersebelahan kawasan sama turut ditanam tanaman kenaf seluas 8.8 hektar di mana kira-kira 0.8 hektar dikhususkan untuk proses dijadikan bahan makanan untuk ternakan lembu di Ladang Dusun Rasau Perdana milik Perak SADC," katanya pada majlis pelancaran program berkenaan di Lambor Kiri, di sini, semalam.

Program berkenaan dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria.

Yahanis berkata, program ber-



Razman (empat dari kiri) bersama Yahanis (tiga dari kiri) di tapak tanaman nenas pada program Ladang Integrasi Lambor di Bota, semalam. (Foto L. Manimaran/BH)

kanaan akan diperluas sehingga 120 hektar yang boleh dibina kira-kira 30 peserta.

"Kita menyokong kerajaan negeri untuk sekuriti makanan jadi kita buka kawasan untuk tanaman kontan. Tanaman seperti jagung dan cili memang tak cukup di pasaran jadi kita buka kepada usahawan. (mengusahakan tanaman itu) dan kita akan perluas-kan lagi," katanya.

Menurutnya, pihaknya juga bakal mewujudkan Skim Sekuriti Makanan Usahawan Perak SADC membabitkan kerjasama dengan usahawan terpilih. Katanya, melalui skim ini,

pembiayaan projek disalurkan sepenuhnya oleh Perak SADC, manakala pertanian dijalankan oleh usahawan berkenaan membabitkan tanaman sayuran di kawasan seluas empat hektar.

"Untuk permulaan, Perak SADC menyalurkan peruntukan RM300,000 untuk pembangunan projek melalui skim ini khususnya di Ladang Integrasi Lambor dan sekiranya berjaya, ia akan diaplikasikan di ladang lain.

"Selain itu, dalam mendepani isu sekuriti makanan, Perak SADC juga melaksanakan kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) se-

jak 2019 melalui kewujudan Program Latihan Kemahiran Kerjaya (PLKK)," katanya.

Sementara itu, Razman berkata, inisiatif itu juga dapat membuktikan penanaman tanaman kontan, nenas dan kenaf dapat diusahakan berhampiran di kawasan tanaman sawit, sekaligus dapat menyumbang pendapatan tambahan.

"Usaha ini membuktikan tanaman tidak terencat, kelapa sawit boleh terus mengeluarkan hasil dalam tempohnya dan pada masa kenaf (dan tanaman lain) juga boleh mengeluarkan hasil," katanya.



Oleh Noor Hidayah  
Tanzizi  
am@hmetro.com.my

**Bota**

**L**adang Integrasi Lam-  
bor yang dibangunkan  
Perbadanan Pempa-  
ngnan Pertanian Negeri  
Perak (Perak SADC) diyakini  
dapat membantu dalam  
mendepani dan menangani  
isu sekuriti makanan.

Ketua Pegawai Eksekutif  
Perak SADC, Yahanis Yahya  
berkata, secara dasarnya ia  
dibangunkan melalui kae-  
dah pertanian intergrasi di  
kawasan seluas 72 hektar  
merangkumi tanaman kon-  
tan, nanas dan kenaf.

Menurutnya, dalam usaha  
merencanakan lagi pemerka-  
saan sekuriti makanan di la-  
dang itu, Perak SADC mem-  
berikan sewaan kepada  
Axis Agriculture Sdn Bhd  
untuk penanaman nanas  
MD2 di kawasan seluas 40  
hektar manakala lapan hek-  
tar diperuntukkan kepada  
Agrowas bagi pembangu-  
nan tanaman sama.

"Bagi tanaman kontan se-  
perti terung, cili dan jagung  
yang akan dimajukan oleh  
enam pekebun kecil terpilih  
membabitkan kawasan se-  
luas 24 hektar.

"Memahami kekangan  
Axis Agriculture Sdn Bhd  
untuk membangunkan ta-  
naman nanas MD2 beriku-  
tinggi serta faktor kekuraa-  
ngan sulur, Perak SADC  
memberikan hak guna se-  
mentara sebahagian tanah  
sewaan syarikat itu bagi  
pembangunan kawasan pe-  
nanaman kontan seluas em-  
pat hektar.



**Kita menyokong  
kerajaan negeri untuk  
sekuriti makanan jadi  
kita buka kawasan untuk  
tanaman kontan"**

**Yahanis Yahya**

pembiayaan projek disalur-  
kan sepenuhnya oleh Perak  
SADC manakala pertanian  
dijalankan oleh usahawan  
berkenaan membabitkan ta-  
naman sayuran di kawasan  
seluas empat hektar.

"Untuk permulaan, Perak  
SADC menyalurkan perun-  
tukan RM300,000 untuk  
pembangunan projek melu-  
lui skim ini khususnya di  
Ladang Intergrasi Lambor  
dan sekitarnya berjaya, ia  
akan diaplikasi di ladang  
lain.

"Selain itu, dalam men-  
depani isu sekuriti maku-  
nan, Perak SADC juga me-  
laksanakan kerjasama de-  
ngan Kementerian Pempa-  
ngnan Luar Bandar (KPLB)  
sejak 2019 melalui kewaju-  
dan Program Latihan Kema-  
hiran Kerjaya (PLKK)," ka-  
tanya.

Sementara itu, Razman  
berkata, inisiatif itu dapat  
membuktikan penanaman  
tanaman kontan, nanas dan  
kenaf dapat diusahakan ber-  
hampir tanaman sawit se-  
kali gus dapat menyumbang  
pendapatan tambahan.

"Usaha ini membuktikan  
tanaman tidak terencat, ke-  
lapa sawit boleh terus me-  
ngeluarkan hasil dalam tem-  
pohnya dan pada masa kenaf  
(dan tanaman lain) juga boleh  
mengeluarkan hasil," katanya.



RAZMAN (dua dari kanan) bersama Yahanis (tiga dari kiri) melihat tapak tanaman nanas pada pekancaran Ladang Integrasi Lambor di Lambor Kiri, Bota. - Gambar NSTP/L MAMIMARAN

# RM300,000 rancak pertanian integrasi

**Peruntukan Perak SADC bangun Ladang Integrasi Lambor bantu kerajaan negeri tangani isu sekuriti makanan**

"Bersebelahan kawasan  
sama turut ditanam kenaf  
seluas 8.8 hektar, di mana  
kira-kira 0.8 hektar dikhu-  
sukan untuk diproses di-  
jadikan bahan makanan ter-  
nakan lembu di Ladang Du-  
rasau Perdana milik Per-  
ak SADC," katanya di majlis  
pelancaran program berke-

naan di Lambor Kiri di sini,  
ra-kira 30 peserta.

"Kita menyokong kerajaan  
negeri untuk sekuriti ma-  
knan jadi kita buka kawa-  
san untuk tanaman kontan.  
Tanaman seperti jagung dan  
cili memang tak cukup di  
pasar jadi kita buka ke-

Katanya, melalui skim ini,



## 30 pelancong di Kampung Juara berpeluang lihat penyu agar mendarat

**Rompin:** Kira-kira 30 pelancong yang berkunjung ke Kampung Juara, Pulau Tioman bernasib baik apabila berpeluang melihat seekor penyu agar mendarat di pesisir pantai kampung terbabit untuk bertelur, Ahad lalu.

Pengusaha pelancongan Hisham Mohd Asar berkata, setiap tahun antara dua hingga tiga ekor penyu mendarat di kampung berkenaan, namun sebanyak 14 ekor penyu sudah mendarat untuk bertelur sejak Mac lalu.

Menurutnya, pelancong yang bernasib baik akan berpeluang melihat penyu agar mendarat pada waktu malam dan awal pagi.

"Kita tidak membenarkan pelancong mengganggu termasuk memegang, membuat bising dan menggunakan lampu ketika melihat penyu bagi mengelak ia merajuk seterusnya tidak lagi mendarat di Kampung Juara.

"Telur penyu akan diabaikan menetas secara sermulajadi, anak penyu ber-



PELANCONG tidak melepaskan peluang lihat penyu agar yang mendarat untuk bertelur di pesisir pantai Kampung Juara.

kenaan diharap mendarat semula untuk bertelur suatu hari nanti," katanya.

Katanya, kehadiran penyu agar di pesisir pantai kampung itu, baru-baru ini turut menggembarakan pelancong kerana mereka datang beramai-ramai untuk melihat reptilia bercengkering itu dalam jarak dekat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2022	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH	28

## Harga siling ayam: Jangan beban penternak, pengguna

**YAN** - Penetapan harga siling baharu ayam dan subsidi yang bakal ditetapkan kerajaan diharap tidak memberi tekanan kepada semua pihak khususnya penternak dan pengguna.

Pengarah Urusan Bismi Empire Sdn Bhd (Ayam Bismi), Mazlina Kamarudin berkata, beberapa faktor juga



**MAZLINA**

perlu diambil kira sebelum ia diputuskan menerusi pembentangan Jawatankuasa Teknikal Menangani Isu Sekuriti Bekalan Makanan Negara dalam Mesyuarat Kabinet pada Rabu.

Menurutnya, penetapan harga siling ayam yang baharu diharap tidak membebankan pengguna khususnya golongan B40 sekali gus turut mengambil kira situasi yang dihadapi penternak.

"Kita lebih suka kepada harga yang ditetapkan mengikut kemampuan rakyat, kalau harga ayam mahal orang akan mempunyai banyak pilihan lain," katanya.

Sebagai penternak, pihaknya turut mengambil kira dan memahami keadaan rakyat yang berdepan peningkatan kos sara hidup.

"Kita memahami situasi pengguna dalam keadaan tertekan dari segi perbelanjaan dan kos sara hidup tinggi, namun kerajaan juga perlu ambil kira kadar subsidi kepada penternak berdasarkan komitmen dari segi kos penternakan, harga dedak meningkat dan pelaksanaan gaji minimum yang perlu dipatuhi.

"Jadi, kita harap harga siling ayam tersebut perlu munasabah dan tidak menekan mana-mana pihak," tegasnya.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan Jawatankuasa Teknikal Menangani Isu Sekuriti Bekalan Makanan Negara akan membentangkan cadangan penetapan harga siling ayam yang baharu serta kadar subsidi kepada penternak dalam Mesyuarat Kabinet pada Rabu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, penetapan harga baharu itu akan diumumkan sebaik selesai mesyuarat tersebut.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

## Banjir kilat ancam lembu korban

**MELAKA:** Seorang penternak di Kampung Paya Rumpit Jaya, Sungai Udang di sini rusing dengan kejadian banjir kilat yang semakin kerap berlaku akan memudaratkan hampir 100 ekor lembu untuk ibadah korban.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia*, Sharuddin Reduan, 42, berkata, bulan ini sahaja sudah tiga kali banjir kilat berlaku dan yang terburuk pada 23 Jun lalu apabila air naik sehingga paras pinggang.

Katanya, ketika kejadian pukul 1 pagi itu, dia bersama seorang lagi rakan tidak lena tidur dan bersengkang mata sehingga pukul 5 pagi bagi memantau keadaan hujan serta keselamatan ternakan.

“Kejadian berlaku sangat pantas dan air sungai naik lebih tinggi berbanding sebelum ini. Mujur semua lembu saya selamat, tetapi kelihatan tertekan kerana terpaksa berendam selama lima jam dalam air banjir.

“Ada beberapa ekor lembu mengalami cirit-birit akibat jangkitan bakteria bawaan air banjir, tetapi semakin pulih selepas diberi ubat. Saya harap lembu ini sihat supaya boleh



**SHARUDDIN Reduan rusing memikirkan keselamatan dan kesihatan lembu-lembu korbannya selepas kawasan ternakan di Sungai Udang, Melaka itu sudah tiga kali ditenggelami banjir pada bulan ini. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI.**

dibuat korban.

“Jika sebaliknya, saya terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk mendapatkan stok baharu kerana harga lembu yang semakin mahal,” katanya ketika ditemui.

Dia kerugian lebih RM10,000

selepas dua buah lori, sofa, peti sejuk, kereta dan mesin rumput rosak akibat ditenggelami bah. Katanya, dia membeli 40 guni dedak untuk kegunaan seminggu, namun lebih separuh daripadanya rosak dan terpaksa dibuang.



Oleh Roselan Ab Malek  
am@hmetro.com.my

Jerantut

Musim durian yang berlaku serentak di beberapa negeri menyebabkan harga buah durian klon dan kampung didakwa turun berbanding tahun lalu di beberapa daerah di negeri ini berikutan lambakan bekalan selain persaingan sengit antara peniaga.

Beberapa peniaga durian mendakwa harga durian diturunkan antara RM5 hingga RM15 sekilogram mengikut jenis durian seperti Musang King, IOI, D24, Udang Merah bagi menarik pelanggan.

Peniaga durian Mokhtar Omar, 54, yang berniaga di Pasar Besar Jerantut, di sini, berkata harga durian terpaksa diturunkan kerana terdapat banyak bekalan buah raja buah dari pekebun sekitar Jerantut dan Lipis.

Menurutnya, durian Musang King grad A sebelum ini dijual pada harga RM80 sekilogram, tetapi kini turun kepada RM60 sahaja.

"Manakala Musang King grad B dari RM40 sekilogram turun kepada RM30, be-



ZAINUDDIN terpaksa menurunkan harga raja buah yang dijual bagi mengelak kerugian.

MUSIM DURIAN SERENTAK DI BEBERAPA NEGERI

# Harga durian klon, kampung menurun

itu juga durian jenis IOI yang dulu dijual RM35 sekilogram kini dijual RM20 dan D24 pula dari RM25 sekilogram kepada RM20.

"Durian kampung juga kini dijual antara RM6 hingga RM12 sahaja bergantung ke-

pada jenis dan kualiti buah," katanya yang sudah 30 tahun berniaga buah durian.

Katanya, walaupun sebelum ini diramalkan harga durian akan meningkat lebih tinggi berbanding tahun lalu kerana harga baja dan musim durian yang hampir

serentak di beberapa negeri pengeluar durian utama seperti Johor dan Perak," katanya.

Peniaga lain, Zainuddin Omar, 65, mendakwa dia terpaksa menurunkan harga raja buah berkenaan bagi

mengelak kerugian terutamanya di sebelah petang kerana bekalan baru akan tiba keesokkannya.

"Kebanyakan peniaga durian memajak beberapa kam-bun durian penduduk kampung dan pada pagi esok akan sampai stok baru dan durian klon tidak tahan untuk simpan lama.

"Kebiasaannya buah durian kampung akan dijual cara bakul dan ia mendapat sambutan penduduk di sini kerana sesuai dijadikan tempoyak berbanding durian klon," katanya.

Sementara itu, pembeli, Shaharuddin Hashim, 40, berkata harga buah durian pada masa ini agak berpatutan dan sebagai pengemar durian, ia adalah masa yang baik untuk membeli dan menikmatinya.

"Setiap musim durian, saya membelanjakan sekitar RM200 hingga RM400 untuk menikmati durian bersama keluarga dan rakan-rakan.

"Harga durian sekarang agak murah dan ia adalah masa terbaik mendapatkan-duanya bagi dinikmati bersama keluarga kerana musimnya hanya setahun sekali," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2022	HARIAN METRO	LOKAL	8



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2022	KOSMO	NEGARA	7

# Pok Tar pakar durian serba tahu

**JERANTUT** - Hanya dengan melihat, memegang dan menghidu buah durian, sudah tahu jenis dan kualitasnya. Itulah kelebihan Abdul Mutalib Mamat, 63, yang telah lebih 30 tahun menjadi peraih dan penjual durian di pekan Damak di sini.

Mesra dengan panggilan Pok Tar, lelaki yang berstatus orang kelainan upaya (OKU) ini juga boleh mengetahui buah yang dipengangnya masak keseluruhan atau sebahagian sahaja.

Malah Pok Tar dapat meneka rasa buah sama ada pahit, berlemak atau manis dengan hanya menghidu bau.

Dia berkata, kelebihan yang ada padanya itu bukan datang sekelip mata, tetapi berdasarkan ilmu dan pengalamannya.

"Kebiasaannya, pemilik dunsun akan membawa buah durian yang bercampur, kemungkinan ada yang belum masak, jadi sebelum ditimbang, saya akan memilih buah yang sudah masak dan elok sahaja.

"Ada pelanggan yang datang minta saya pilih dua biji durian yang pahit dan apabila dibuka, benar-benar rasa pahit," katanya di sini baru-baru ini.



**POK TAR** memilih durian yang terbaik untuk dijual kepada pelanggan di pekan Damak, Jerantut baru-baru ini.

Menurutnya, kewujudan pelbagai jenis durian kampung premium juga amat memerlukan kemahiran mengenal jenis buah bagi mengasingkan buah yang dikehendaki penggemar durian.

Pok Tar berkata, sejak menjual buah itu, dia akan memastikan pelanggannya berpuas hati dengan memilih buah durian yang baik serta berkualiti sahaja.

"Selain memberi penerangan tentang buah yang dipilih, saya memberikan jaminan jika buah

dibeli buruk, mereka boleh datang semula untuk digantikan dengan buah yang baharu," ujarnya.

Tambahnya, jualan durian pada tahun ini amat memberangsangkan apabila ramai penggemar durian termasuk dari luar Pahang datang untuk membeli durian.

Ujarnya, sejak dua minggu lalu dia dapat menjual buah durian dengan purata RM5,000 sehari dan semakin meningkat pada Sabtu dan Ahad.

## Bekas tukang masak jual cendawan raih RM15,000 sebulan

**KOTA TINGGI** – Seorang pemuda di sini sanggup meninggalkan kerjaya sebagai tukang masak di Singapura dengan pendapatan hampir RM8,000 sebulan semata-mata mahu menjadi petani.

Kegigihan Abdul Hakim Ishak, 27, berbaloi apabila dia bergelar 'tauke muda' selepas berjaya mengusahakan sebanyak 50,000 bongkah cendawan, malah mampu meraih pendapatan kasar sehingga RM15,000 sebulan.

"Kerja di Singapura memang gaji besar, namun saya fikir sekiranya apa-apa berlaku, susah juga sebab kami bergantung kepada permit kerja. Jadi dua tahun sebelum berhenti, saya sudah pun bangunkan perusahaan cendawan ini.

"Bagaimanapun, ketika itu ada orang lain yang jalankan perusahaan ini, cuma saya tidak dapat pantau sepenuh masa," katanya di rumah cendawannya di Felcra Sungai Ara di sini semalam.

Pada awalnya, dia menjalankan ternakan ayam, namun sukar diuruskan sehingga bertukar kepada cendawan atas nasihat rakan daripada Jabatan Pertanian.

"Selepas setahun terperangkap di Singapura akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), saya ambil keputusan untuk berhenti kerja dan tumpu sepenuhnya buat cendawan di samping menjaga ibu," ujarnya.

Menurutnya, dia bermula dengan 500 bongkah cendawan yang dibeli daripada seorang usahawan sebelum membuat sendiri bongkah tersebut.

Melihat potensi jualan cendawan, dia mulai seronok dan melaburkan sebanyak RM30,000 wang simpanan un-

tuk membuat bangunan dan rak cendawan selain RM20,000 juga dilaburkan untuk membeli peralatan dan kelengkapan mesin membuat bongkah.

"Kini saya mempunyai lima rumah cendawan yang mana satu rumah boleh memuatkan 10,000 bongkah cendawan.

"Saya memang fokus untuk pengeluaran cendawan dan tidak menjual bongkah kerana saya sudah ada permintaan pasaran di mana dalam sehari, kadangkala paling tinggi saya dapat kutip sehingga 70 kilogram cendawan untuk dijual.

"Bagi proses membuat bongkah cendawan, saya menyasarkan dalam sehari boleh buat 800 hingga 1,000 bongkah cendawan. Saya mempunyai tiga pekerja yang membantu.

"Proses membuat bongkah dilakukan di bengkel yang disewa dengan pihak Felcra dan apabila sudah matang, bongkah akan dibawa ke rumah cendawan. Saya memasarkan cendawan di kedai-kedai dan juga pasar raya," ujarnya.

Pelajar jurusan kulineri itu berkata, seperti pengusaha lain, dia juga pernah berdepan pelbagai cabaran.

"Antaranya apabila sebanyak 10,000 bongkah cendawan tidak menjadi ketika saya masih bekerja di Singapura.

"Masa itu kita suruh orang jaga, jadi tak dapat nak pantau sepenuhnya, jadi saya cari punca masalah dan tambah baik serta belajar daripada kesilapan," katanya.

Abdul Hakim menyasarkan untuk pengeluaran cendawan sebanyak tiga kali ganda pada masa depan dengan meningkatkan pembuatan bongkah daripada 1,000 bongkah sehari kepada 3,000 bongkah.



**ABDUL HAKIM** menunjukkan cendawan yang diusahakan di belakang rumah keluarganya di Felcra Sungai Ara, Kota Tinggi semalam.